



31 Disember 2024
31 December 2024
P.U. (A) 466

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT

GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN
KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024

*ENERGY EFFICIENCY AND CONSERVATION
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024
PERATURAN-PERATURAN KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Ambang penggunaan tenaga bagi pengguna tenaga

BAHAGIAN II
KEWAJIPAN PENGGUNA TENAGA

Bab 1 - Pengurus tenaga berdaftar

4. Pengurus tenaga berdaftar dalam kalangan pekerja
5. Pelantikan pengurus tenaga berdaftar
6. Pengurus tenaga berdaftar bukan daripada kalangan pekerja
7. Pengosongan jawatan pengurus tenaga berdaftar

Bab 2 - Pengurusan tenaga

8. Sistem pengurusan tenaga
9. Laporan kecekapan dan konservasi tenaga
10. Laporan audit tenaga

BAHAGIAN III
KEWAJIPAN ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI BANGUNAN

Peraturan

11. Label intensiti tenaga
12. Penarafan kecekapan tenaga

BAHAGIAN IV
PRODUK MENGGUNAKAN TENAGA

13. Standard prestasi tenaga minimum

BAHAGIAN V
PENDAFTARAN PENGURUS TENAGA DAN JURUAUDIT TENAGA

14. Pengurus tenaga
15. Juruaudit tenaga

BAHAGIAN VI
AM

16. Fi
JADUAL

AKTA KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024

PERATURAN-PERATURAN KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 [*Akta 861*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“gigajoule” ertinya unit ukuran penggunaan tenaga yang satu unit gigajoule adalah bersamaan dengan seribu juta joule;

“pengurus tenaga berdaftar” ertinya seorang pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak di bawah peraturan 14;

“perbadanan berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*].

Ambang penggunaan tenaga bagi pengguna tenaga

3. Bagi maksud perenggan 3(1)(a) Akta, ambang penggunaan tenaga seseorang pengguna tenaga ialah dua puluh satu ribu enam ratus gigajoule (21,600 gigajoule).

BAHAGIAN II
KEWAJIPAN PENGGUNA TENAGA

Bab 1 - Pengurus tenaga berdaftar

Pengurus tenaga berdaftar dalam kalangan pekerja

4. (1) Tertakluk pada peraturan 5, seseorang pengguna tenaga hendaklah melantik seorang pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak peraturan 14, dalam kalangan pekerjaanya.

(2) Pelantikan pengurus tenaga berdaftar di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen 3(3) Akta dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepadanya.

(3) Pengguna tenaga hendaklah memberitahu Suruhanjaya melalui cara elektronik mengenai pelantikan pengurus tenaga berdaftar yang dibuat di bawah subperaturan (1).

(4) Seseorang pengurus tenaga berdaftar yang dilantik di bawah subperaturan (1) oleh seseorang pengguna tenaga, boleh menjalankan fungsi dan kewajipannya kepada tidak melebihi tujuh (7) pengguna tenaga yang lain yang merupakan perbadanan berkaitan dengan pengguna tenaga yang melantiknya.

Pelantikan pengurus tenaga berdaftar

5. Pengguna tenaga hendaklah melantik—

(a) seorang pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak peraturan 14 jika penggunaan tenaga oleh pengguna tenaga dalam apa-apa tempoh dua belas bulan berturut-turut adalah bersamaan dengan atau melebihi 21,600 gigajoule dan tidak lebih daripada 50,000 gigajoule; atau

- (b) seorang pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3) jika penggunaan tenaga oleh pengguna tenaga dalam apa-apa tempoh dua belas bulan berturut-turut adalah melebihi 50,000 gigajoule.

Pengurus tenaga berdaftar bukan daripada kalangan pekerja

6. (1) Walau apa pun subperaturan 4(1), seseorang pengguna tenaga boleh melantik seorang pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3) yang bukan daripada kalangan pekerja atau pekerja perbadanan berkaitan pengguna tenaga itu, sebagai seorang pengurus tenaga berdaftar, bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen 3(3) Akta dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada pengguna tenaga itu.

(2) Seseorang pengguna tenaga hendaklah memberitahu Suruhanjaya melalui cara elektronik mengenai pelantikan pengurus tenaga berdaftar yang dibuat di bawah subperaturan (1).

(3) Seseorang pengurus tenaga berdaftar yang dilantik di bawah subperaturan (1) oleh seseorang pengguna tenaga boleh menjalankan fungsi dan kewajipannya kepada tidak melebihi tujuh (7) pengguna tenaga yang lain.

(4) Sebaik selepas tamat tempoh pelantikan di bawah subperaturan (1), pengguna tenaga itu hendaklah melantik seorang pengurus tenaga berdaftar dalam kalangan pekerjaanya mengikut peraturan 4.

Pengosongan jawatan pengurus tenaga berdaftar

7. (1) Jika seorang pengurus tenaga berdaftar yang dilantik mengosongkan jawatannya atas apa-apa sebab, pengguna tenaga hendaklah menyampaikan suatu notis dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam masa empat belas hari dari tarikh jawatan itu dikosongkan.

(2) Pengguna tenaga hendaklah dalam masa tiga bulan dari tarikh pengurus tenaga berdaftar mengosongkan jawatannya, melantik seorang pengurus tenaga berdaftar dalam kalangan pekerjaannya untuk mengisi jawatan yang dikosongkan itu mengikut peraturan 4.

(3) Jika pengguna tenaga tidak dapat melantik pengurus tenaga berdaftar dalam kalangan pekerjaannya mengikut subperaturan (2), pengguna tenaga boleh, dengan kebenaran bertulis Suruhanjaya, melantik seorang pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3) yang bukan daripada kalangan pekerjaannya atau pekerja perbadanan berkaitan pengguna tenaga itu, mengikut syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(4) Mana-mana pengguna tenaga yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Bab 2 – Pengurusan tenaga

Sistem pengurusan tenaga

8. Pengguna tenaga hendaklah membangunkan suatu sistem pengurusan tenaga dalam masa satu tahun dari tarikh pelantikan pengurus tenaga berdaftar di bawah subperaturan 4(1) atau 6(1).

Laporan kecekapan dan konservasi tenaga

9. Pengguna tenaga hendaklah mengemukakan laporan kecekapan dan konservasi tenaga yang disediakan di bawah subseksyen 7(1) Akta seperti yang berikut:

- (a) bagi laporan kecekapan dan konservasi tenaga yang pertama, laporan kecekapan dan konservasi tenaga itu hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya melalui cara elektronik dalam masa tiga puluh hari selepas tamat tempoh satu tahun yang dikira dari tarikh pelantikan pengurus tenaga berdaftar di bawah subperaturan 4(1) atau 6(1); dan

- (b) bagi laporan kecekapan dan konservasi tenaga selanjutnya, laporan kecekapan dan konservasi tenaga itu hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya melalui cara elektronik pada setiap tahun, dalam masa tiga puluh hari selepas habis tempoh satu tahun yang dikira dari tarikh ulang tahun pelantikan pengurus tenaga berdaftar di bawah subperaturan 4(1) atau 6(1).

Laporan audit tenaga

10. (1) Pengguna tenaga hendaklah mengemukakan suatu laporan audit tenaga yang disediakan di bawah seksyen 9 Akta kepada Suruhanjaya melalui cara elektronik—

- (a) dalam masa satu tahun dari notis bertulis di bawah subseksyen 3(3) Akta dikeluarkan kepada pengguna tenaga itu; dan
- (b) pada tahun kelima bagi tiap-tiap lima tahun dari tarikh pengemukaan laporan audit tenaga yang terakhir kepada Suruhanjaya; atau
- (c) dalam hal keadaan suatu notis pengecualian bertulis dikeluarkan di bawah subseksyen 9(4) Akta, mengikut tempoh yang dinyatakan dalam notis pengecualian bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Pengguna tenaga boleh memohon kepada Suruhanjaya supaya dikecualikan daripada mengemukakan laporan audit tenaga selanjutnya dalam masa tiga bulan pertama pada tahun kelima bagi setiap lima tahun dari tarikh akhir pengemukaan laporan audit tenaga.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI BANGUNAN

Label intensiti tenaga

11. (1) Seseorang yang bertanggungjawab bagi suatu bangunan hendaklah memohon suatu label intensiti tenaga berkenaan dengan bangunan itu kepada Suruhanjaya melalui cara elektronik pada setiap tahun.

(2) Bagi permohonan label intensiti tenaga yang pertama kepada Suruhanjaya, orang yang bertanggungjawab bagi suatu bangunan hendaklah membuat permohonan itu dalam masa tiga puluh hari selepas tamat tempoh satu tahun dari tarikh notis bertulis di bawah subseksyen 3(4) Akta dikeluarkan kepadanya.

(3) Bagi permohonan label intensiti tenaga bagi tahun berikutnya, orang yang bertanggungjawab bagi suatu bangunan hendaklah memohon label itu dalam masa tiga puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam label intensiti tenaga sedia ada.

(4) Mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi suatu bangunan yang tidak memohon label intensiti tenaga dalam tempoh yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3) hendaklah membayar suatu fi lewat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(5) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3) hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya berserta dengan bayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat, butiran atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Label intensiti tenaga yang dikeluarkan di bawah perenggan 10(4)(a) Akta hendaklah sah selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun dan tamat tempoh pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam label itu.

Penarafan kecekapan tenaga

12. (1) Seseorang yang bertanggungjawab bagi suatu bangunan yang dikeluarkan dengan label intensiti tenaga di bawah perenggan 10(4)(a) Akta, hendaklah memastikan bahawa prestasi intensiti tenaga bangunan itu hendaklah tidak rendah daripada penarafan kecekapan tenaga dua bintang.

(2) Seseorang yang bertanggungjawab bagi suatu bangunan hendaklah mematuhi penarafan kecekapan tenaga yang disebut dalam subperaturan (1) setiap tahun bermula pada tahun kelima dari tahun yang label intensiti tenaga pertama dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN IV

PRODUK MENGGUNAKAN TENAGA

Standard prestasi tenaga minimum

13. (1) Produk menggunakan tenaga hendaklah memenuhi standard prestasi tenaga minimum yang tidak rendah daripada penarafan dua bintang.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “penarafan” ertinya penarafan kecekapan tenaga bagi produk menggunakan tenaga yang ditunjukkan melalui penarafan bintang sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN PENGURUS TENAGA DAN JURUAUDIT TENAGA

Pengurus tenaga

14. (1) Seseorang pengurus tenaga boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar jenis pertama, jika pengurus tenaga itu—

(a) memiliki suatu ijazah dalam bidang sains, kejuruteraan, teknologi atau seni bina daripada suatu kolej, institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Suruhanjaya dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;

- (b) memiliki suatu diploma dalam bidang sains, kejuruteraan, teknologi atau seni bina daripada suatu kolej, institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Suruhanjaya dan mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman bekerja;
- (c) berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*] sebagai—

 - (i) seorang Jurutera Siswazah atau Teknologis Kejuruteraan dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;
 - (ii) seorang Pemeriksa Tapak dengan sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman bekerja; atau
 - (iii) seorang Jurutera Profesional;
- (d) berdaftar di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [*Akta 768*] sebagai—

 - (i) seorang Teknologis Berijazah dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;
 - (ii) seorang Juruteknik Berkelayakan yang memegang sekurang-kurangnya suatu diploma dengan sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman bekerja; atau
 - (iii) seorang Teknologis Profesional; atau

- (e) berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*] sebagai—
- (i) seorang Arkitek Siswazah dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;
 - (ii) seorang Pemeriksa Tapak dengan sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman bekerja; atau
 - (iii) seorang Arkitek Profesional; dan
- (f) menunjukkan pengetahuan mengenai kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan yang memuaskan hati Suruhanjaya.

(2) Seseorang pengurus tenaga berdaftar jenis pertama dalam subperaturan (1) boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar jenis kedua, jika pengurus tenaga berdaftar jenis pertama itu—

- (a) telah menjadi seorang pengurus tenaga berdaftar jenis pertama untuk suatu tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan memiliki suatu perakuan amalan yang sah; dan
- (b) menunjukkan pengetahuan mengenai kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan yang memuaskan hati Suruhanjaya.

(3) Mana-mana orang yang memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah sebagai pengurus tenaga elektrik yang dikeluarkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar jenis kedua sehingga tarikh habis tempoh perakuan pendaftarannya di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dengan menduduki apa-apa penilaian sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Juruaudit tenaga

15. Seseorang juruaudit tenaga boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk menjadi juruaudit tenaga berdaftar jika juruaudit tenaga itu—

- (a) memiliki suatu ijazah dalam bidang sains, kejuruteraan, teknologi atau seni bina daripada kolej, institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Suruhanjaya dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;
- (b) memiliki suatu diploma dalam bidang sains, kejuruteraan, teknologi atau seni bina daripada kolej, institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Suruhanjaya dan merupakan pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3);
- (c) berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 sebagai—
 - (i) seorang Jurutera Siswazah atau Teknologis Kejuruteraan dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;
 - (ii) seorang Pemeriksa Tapak dan merupakan pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3);
atau
 - (iii) seorang Jurutera Profesional;
- (d) berdaftar di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 sebagai—
 - (i) seorang Teknologis Berijazah dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;

- (ii) seorang Juruteknik Berkelayakan yang memegang sekurang-kurangnya suatu diploma dan merupakan pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3); atau
 - (iii) seorang Teknologis Profesional; atau
- (e) berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 sebagai—
- (i) seorang Arkitek Siswazah dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja;
 - (ii) seorang Pemeriksa Tapak dan merupakan pengurus tenaga berdaftar yang memenuhi kehendak subperaturan 14(2) atau (3); atau
 - (iii) seorang Arkitek Profesional; dan
- (f) mempunyai pengalaman dalam sekurang-kurangnya dua audit tenaga yang diluluskan oleh Suruhanjaya; dan
- (g) menunjukkan pengetahuan mengenai kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan yang memuaskan hati Suruhanjaya.

BAHAGIAN VI

AM

Fi

16. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

JADUAL
[Peraturan 16]

FI

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi setahun (RM)
1.	Permohonan bagi label intensiti tenaga di bawah subseksyen 10(3) Akta	100.00
2.	Fi lewat bagi permohonan label intensiti tenaga di bawah subseksyen 10(2) Akta	100.00
3.	Permohonan bagi pendaftaran pengilang atau pengimport di bawah subseksyen 19(2) Akta	30.00
4.	Permohonan bagi perakuan kecekapan tenaga di bawah subseksyen 21(2) Akta	30.00
5.	Pengeluaran perakuan kecekapan tenaga di bawah subseksyen 21(4) Akta	220.00
6.	Permohonan untuk membaharui perakuan kecekapan tenaga di bawah subseksyen 22(2) Akta	30.00
7.	Pembaharuan perakuan kecekapan tenaga di bawah perenggan 22(3)(a) Akta	220.00
8.	Permohonan bagi pendaftaran pengurus tenaga atau juruaudit tenaga di bawah subseksyen 27(2) Akta	30.00
9.	Pengeluaran perakuan pendaftaran pengurus tenaga atau juruaudit tenaga di bawah perenggan 27(3)(a) Akta	100.00
10.	Permohonan bagi perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar atau juruaudit tenaga berdaftar di bawah subseksyen 28(2) Akta	30.00

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi setahun (RM)
11.	Pengeluaran perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar atau juruaudit tenaga berdaftar di bawah perenggan 28(3)(a) Akta	100.00
12.	Permohonan untuk membaharui perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar atau juruaudit tenaga berdaftar di bawah subseksyen 29(3) Akta	30.00
13.	Pembaharuan perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar atau juruaudit tenaga berdaftar di bawah perenggan 29(5)(a) Akta	100.00
14.	Fi lewat bagi pembaharuan perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar atau juruaudit tenaga berdaftar di bawah subseksyen 29(2) Akta	100.00
15.	Permohonan bagi pendaftaran institusi latihan yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 33(2) Akta	200.00
16.	Pengeluaran perakuan pendaftaran institusi latihan yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah perenggan 33(3)(a) Akta	2,000.00
17.	Permohonan bagi perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 34(2) Akta	200.00
18.	Pengeluaran perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah perenggan 34(3)(a) Akta	2,000.00

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi setahun (RM)
19.	Permohonan untuk membaharui perakuan amalan institusi berdaftar yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 35(3) Akta	200.00
20.	Pembaharuan perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah perenggan 35(4)(a) Akta	2,000.00
21.	Fi lewat bagi pembaharuan perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang mengendalikan kursus latihan untuk menjadi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 35(2) Akta	2,000.00
22.	Permohonan bagi pendaftaran institusi latihan yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 33(2) Akta	100.00
23.	Pengeluaran perakuan pendaftaran institusi latihan yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah perenggan 33(3)(a) Akta	750.00
24.	Permohonan bagi perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 34(2) Akta	100.00
25.	Pengeluaran perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah perenggan 34(3)(a) Akta	750.00

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi setahun (RM)
26.	Permohonan untuk membaharui perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 35(3) Akta	100.00
27.	Pembaharuan perakuan amalan institusi latihan berdaftar yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah perenggan 35(4)(a) Akta	750.00
28.	Fi lewat bagi pembaharuan perakuan amalan pendaftaran institusi latihan berdaftar yang menjalankan program pembangunan berterusan bagi pengurus tenaga berdaftar di bawah subseksyen 35(2) Akta	750.00

Dibuat 23 Disember 2024

[PETRA.BTL.100-1/1/1/5]ld.2 (22)(S); PN(PU2)773]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
*Menteri Peralihan Tenaga
dan Transformasi Air*

ENERGY EFFICIENCY AND CONSERVATION ACT 2024
ENERGY EFFICIENCY AND CONSERVATION REGULATIONS 2024

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Energy consumption threshold for energy consumer

PART II
DUTIES OF ENERGY CONSUMER

Chapter 1 – Registered energy manager

4. Registered energy manager among employee
5. Appointment of registered energy manager
6. Registered energy manager not among employee
7. Vacation of office of registered energy manager

Chapter 2 – Energy management

8. Energy management system
9. Energy efficiency and conservation report
10. Energy audit report

PART III
DUTIES OF PERSON IN CHARGE OF A BUILDING

Regulation

11. Energy intensity label
12. Energy efficiency rating

PART IV
ENERGY-USING PRODUCT

13. Minimum energy performance standards

PART V
REGISTRATION OF ENERGY MANAGER AND ENERGY AUDITOR

14. Energy manager
15. Energy auditor

PART VI
GENERAL

16. Fees

SCHEDULE

ENERGY EFFICIENCY AND CONSERVATION ACT 2024

ENERGY EFFICIENCY AND CONSERVATION REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 69 of the Energy Efficiency and Conservation Act 2024 [Act 861], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Energy Efficiency and Conservation Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2025.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“gigajoule” means the unit of measurement of energy consumption where a unit of gigajoule is equal to one thousand million joules;

“registered energy manager” means a registered energy manager who fulfils the requirements under regulation 14;

“related corporation” has the same meaning assigned to it in the Companies Act 2016 [Act 777].

Energy consumption threshold for energy consumer

3. For the purposes of paragraph 3(1)(a) of the Act, the energy consumption threshold of an energy consumer are twenty one thousand six hundred gigajoule (21,600 gigajoule).

PART II
DUTIES OF ENERGY CONSUMER

Chapter 1 – Registered energy manager

Registered energy manager among employee

4. (1) Subject to regulation 5, an energy consumer shall appoint a registered energy manager who fulfils the requirements of regulation 14, among his employee.

(2) The appointment of a registered energy manager under subregulation (1) shall be made within three months from the date of the written notice under subsection 3(3) of the Act issued by the Commission to him.

(3) The energy consumer shall notify the Commission by electronic means on the appointment of the registered energy manager made under subregulation (1).

(4) A registered energy manager appointed under subregulation (1) by an energy consumer, may carry out his functions and duties to not exceeding seven (7) other energy consumer which are related corporation with the energy consumer who appointed him.

Appointment of registered energy manager

5. The energy consumer shall appoint —

(a) a registered energy manager who fulfils the requirements of regulation 14 where the energy consumption of the energy consumer within any period of twelve consecutive months is equal to or exceeds 21,600 gigajoule and not more than 50,000 gigajoule; or

(b) a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3) where the energy consumption of the energy consumer within any period of twelve consecutive months exceeds 50,000 gigajoule.

Registered energy manager not among employee

6. (1) Notwithstanding subregulation 4(1), an energy consumer may appoint a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3) who is not among his employee or the employee of related corporation of such energy consumer, as a registered energy manager, for a period not exceeding three years from the date of the written notice under subsection 3(3) of the Act issued by the Commission to that energy consumer.

(2) An energy consumer shall notify the Commission by electronic means on the appointment of the registered energy manager made under subregulation (1).

(3) A registered energy manager appointed under subregulation (1) by an energy consumer may carry out his functions and duties to not exceeding seven (7) other energy consumer.

(4) Immediately after the expiry of the appointment under subregulation (1), the energy consumer shall appoint a registered energy manager among his employees in accordance with regulation 4.

Vacation of office of registered energy manager

7. (1) If an appointed registered energy manager vacates his office for any reason, the energy consumer shall serve a notice in any form as may be determined by the Commission within fourteen days from the date that the office being vacated.

(2) The energy consumer shall within three months from the date the registered energy manager vacated his office, appoint a registered energy manager among his employees to fill the vacated office in accordance with regulation 4.

(3) Where the energy consumer is unable to appoint a registered energy manager among his employees in accordance with subregulation (2), the energy consumer may, with written approval of the Commission, appoint a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3) who is not among his

employee or the employee of related corporation of such energy consumer, in accordance with conditions as the Commission deems fit.

(4) Any energy consumer who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

Chapter 2 – Energy management

Energy management system

8. The energy consumer shall develop an energy management system within one year from the date of the appointment of the registered energy manager under subregulation 4(1) or 6(1).

Energy efficiency and conservation report

9. The energy consumer shall submit the energy efficiency and conservation report prepared under subsection 7(1) of the Act as follows:

(a) for the first energy efficiency and conservation report, the energy efficiency and conservation report shall be submitted to the Commission by the electronic means within thirty days after the expiry of one year from the date of the appointment of the registered energy manager under subregulation 4(1) or 6(1); and

(b) for the subsequent energy efficiency and conservation report, that energy efficiency and conservation report shall be submitted to the Commission by the electronic means annually, within thirty days after the expiry of one year from the anniversary date of the appointment of the registered energy manager under subregulation 4(1) or 6(1).

Energy audit report

10. (1) The energy consumer shall submit an energy audit report prepared under section 9 of the Act to the Commission by electronic means—

- (a) within one year from the date the written notice under subsection 3(3) of the Act issued to the energy consumer; and
- (b) on the fifth year for every five years from the date of submission of the last energy audit report to the Commission; or
- (c) in a case where a written notice of exemption issued under subsection 9(4) of the Act, in accordance with the period specified in the written notice of exemption issued by the Commission.

(2) The energy consumer may apply to the Commission to be exempted from submitting subsequent energy audit report within the first three months on the fifth year for every five years from the date of last submission of the energy audit report.

PART III

DUTIES OF PERSON IN CHARGE OF A BUILDING

Energy intensity label

11. (1) A person in charge of a building shall apply for an energy intensity label in respect of the building to the Commission by electronic means for each year.

(2) For the first application of the energy intensity label to the Commission, the person in charge of a building shall make the application within thirty days after the expiry of the one year period from the date of the written notice under subsection 3(4) of the Act issued to him.

(3) For the application of energy intensity label for the following year, the person in charge of a building shall apply for such label within thirty days before the expired date as specified in the existing energy intensity label.

(4) Any person in charge of a building who fails to apply for the energy intensity label within the period referred to in subregulations (2) and (3) shall pay a late fee as specified in the Schedule.

(5) The application referred to in subregulations (2) and (3) shall be submitted to the Commission together with the payment of fee as specified in the Schedule and any information, details or document as may be determined by the Commission.

(6) The energy intensity label issued under paragraph 10(4)(a) of the Act shall be valid for a period of not exceeding one year and expired on the date as specified in such label.

Energy efficiency rating

12. (1) A person in charge of a building issued with the energy intensity label under paragraph 10(4)(a) of the Act, shall ensure that the energy intensity performance of such building shall not be lower than the energy efficiency rating of two stars.

(2) A person in charge of a building shall comply with the energy efficiency rating referred to in subregulation (1) annually commencing on the fifth year from the year of which the first energy intensity label was issued by the Commission.

PART IV

ENERGY-USING PRODUCT

Minimum energy performance standards

13. (1) The energy-using product shall meet the minimum energy performance standard of not lower than the two star rating.

(2) For the purposes of subregulation (1), “rating” means energy efficiency rating of an energy-using product indicated through star rating as specified in the guidelines issued by the Commission.

PART V
REGISTRATION OF ENERGY MANAGER AND ENERGY AUDITOR

Energy manager

14. (1) An energy manager may apply to the Commission to be a first type registered energy manager, if such energy manager—

- (a) holds a degree in science, engineering, technology or architecture from a college, institution or university recognized by the Commission and has at least two years of working experience;
- (b) holds a diploma in science, engineering, technology or architecture from a college, institution or university recognized by the Commission and has at least ten years of working experience;
- (c) is registered under the Registration of Engineers Act 1967 [Act 138] as—
 - (i) a Graduate Engineer or Engineering Technologist with at least two years of working experience;
 - (ii) an Inspector of Works with at least ten years of working experience; or
 - (iii) a Professional Engineer;
- (d) is registered under the Technologists and Technicians Act 2015 [Act 768] as —
 - (i) a Graduate Technologist with at least two years of working experience;
 - (ii) a Qualified Technician who holds at least a diploma with at least ten years of working experience; or

(iii) a Professional Technologist; or

(e) is registered under the Architects Act 1967 [*Act 117*] as—

(i) a Graduate Architects with at least two years of working experience;

(ii) an Inspector of Works with at least ten years of working experience; or

(iii) a Professional Architect; and

(f) demonstrates knowledge of the requirements of the Act and Regulations that satisfies the Commission.

(2) A first type registered energy manager in subregulation (1) may apply to the Commission to be a second type registered energy manager, if such first type registered energy manager—

(a) has been a first type registered energy manager for a period of not less than one year and holds a valid practicing certificate; and

(b) demonstrates knowledge of the requirements of the Act and Regulations that satisfies the Commission.

(3) Any person who holds a valid certificate of registration as an electrical energy manager issued under the Electricity Supply Act 1990 [*Act 447*] may apply to the Commission to be a second type registered energy manager until the date of the expiry of his certificate of registration under the Electricity Supply Act 1990 by sitting any assessment as may be determined by the Commission.

Energy auditor

15. An energy auditor may apply to the Commission to be a registered energy auditor if such energy auditor—

- (a) holds a degree in science, engineering, technology or architecture from a college, institution or university recognized by the Commission and has at least two years of working experience;
- (b) holds a diploma in science, engineering, technology or architecture from a college, institution or university recognized by the Commission and is a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3);
- (c) is registered under the Registration of Engineers Act 1967 as—
 - (i) a Graduate Engineer or Engineering Technologist with at least two years of working experience;
 - (ii) an Inspector of Works and is a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3); or
 - (iii) a Professional Engineer;
- (d) is registered under the Technologists and Technicians Act 2015 as —
 - (i) a Graduate Technologist with at least two years of working experience;
 - (ii) a Qualified Technician who holds at least a diploma and is a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3); or

- (iii) a Professional Technologist; or
- (e) is registered under the Architects Act 1967 as—
 - (i) a Graduate Architects with at least two years of working experience;
 - (ii) an Inspector of Works and is a registered energy manager who fulfils the requirements of subregulation 14(2) or (3); or
 - (iii) a Professional Architect; and
- (f) having experiences in at least two energy audits approved by the Commission; and
- (g) demonstrates knowledge of the requirements of the Act and Regulations that satisfies the Commission.

PART VI
GENERAL

Fees

16. The fees payable in respect of the matters specified in column (2) of the Schedule shall be as specified in column (3) of the Schedule.

SCHEDULE
[Regulation 16]

FEES

(1) No.	(2) Matter	(3) Fees per year (RM)
1.	Application for energy intensity label under subsection 10(3) of the Act	100.00
2.	Late fee for the application of energy intensity label under subsection 10(2) of the Act	100.00
3.	Application for registration of manufacturer or importer under subsection 19(2) of the Act	30.00
4.	Application for certificate of energy efficiency under subsection 21(2) of the Act	30.00
5.	Issuance of certificate of energy efficiency under subsection 21(4) of the Act	220.00
6.	Application to renew the certificate of energy efficiency under subsection 22(2) of the Act	30.00
7.	Renewal of certificate of energy efficiency under paragraph 22(3)(a) of the Act	220.00
8.	Application for registration of energy manager or energy auditor under subsection 27(2) of the Act	30.00
9.	Issuance of certificate of registration of energy manager or energy auditor under paragraph 27(3)(a) of the Act	100.00
10.	Application for practicing certificate of registered energy manager or energy auditor under subsection 28(2) of the Act	30.00

(1) No.	(2) Matter	(3) Fees per year (RM)
11.	Issuance of practicing certificate of registered energy manager or energy auditor under paragraph 28(3)(a) of the Act	100.00
12.	Application to renew the practising certificate of registration of energy manager or energy auditor under subsection 29(3) of the Act	30.00
13.	Renewal of practising certificate of registered energy manager or energy auditor under paragraph 29(5)(a) of the Act	100.00
14.	Late fee for the renewal of practising certificate of registered manager or energy auditor under subsection 29(2) of the Act	100.00
15.	Application for registration of training institution conducting a training course to be a registered energy manager under subsection 33(2) of the Act	200.00
16.	Issuance of certificate of registration of training institution conducting a training course to be a registered energy manager under paragraph 33(3)(a) of the Act	2,000.00
17.	Application for practicing certificate of registered training institution conducting a training course to be a registered energy manager under subsection 34(2) of the Act	200.00
18.	Issuance of practicing certificate of registered training institution conducting a training course to be a registered energy manager under paragraph 34(3)(a) of the Act	2,000.00
19.	Application to renew the practicing certificate of registered training institution conducting a training course to be a registered energy manager under subsection 35(3) of the Act	200.00

(1) No.	(2) Matter	(3) Fees per year (RM)
20.	Renewal of practicing certificate of registered training institution conducting a training course to be a registered energy manager under paragraph 35(4)(a) of the Act	2,000.00
21.	Late fee for renewal of practicing certificate of registered training institution conducting a training course to be a registered energy manager under subsection 35(2) of the Act	2,000.00
22.	Application for registration of training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under subsection 33(2) of the Act	100.00
23.	Issuance of certificate of registration of training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under paragraph 33(3)(a) of the Act	750.00
24.	Application for practicing certificate of registered training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under subsection 34(2) of the Act	100.00
25.	Issuance of practicing certificate of registered training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under paragraph 34(3)(a) of the Act	750.00
26.	Application to renew the practicing certificate of registered training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under subsection 35(3) of the Act	100.00

(1) No.	(2) Matter	(3) Fees per year (RM)
27.	Renewal of practicing certificate of registered training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under paragraph 35(4)(a) of the Act	750.00
28.	Late fee for renewal of certificate of registered training institution carrying out a continuous development programme for a registered energy manager under subsection 35(2) of the Act	750.00

Made 23 December 2024

[PETRA.BTL.100-1/1/1/5]ld.2 (22)(S); PN(PU2)773]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
*Minister of Energy Transition
and Water Transformation*